# STANDARD OPERATION PROCEDURE (SOP)PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN SK SERI MURNI

Disediakan oleh :
Pn. Siti Khadizah binti Ismail
Penolong Kanan Hal Ehwal Murid

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# PEMBUKAAN SEMULA KELAS BUKAN PEPERIKSAAN BAGI SEKOLAH HARIAN BERASRAMA

## SEKOLAH RENDAH

Tahun 5 dan 6

**15 JULAI 2020**

---

Tahun 1, 2, 3 dan 4

**22 JULAI 2020**

## SEKOLAH MENENGAH

Tingkatan 1, 2, 3, 4
dan
Tingkatan 6 Semester 1

**15 JULAI 2020**

Pihak sekolah akan berhubung terus dengan ibu bapa/penjaga untuk memaklumkan tarikh kemasukan murid.

KemPendidikan

# SOP- WAKTU TIBA




- Masuk terus beratur di susur gajah.
- Sanitasi / basuh tangan ditempat yang disediakan.
- Guru bertugas:-
  - Imbas suhu murid, catat pada pelekat dan lekatkan di baju murid.
  - Sekiranya suhu badan murid melebihi 37.5 'c , minta murid duduk sebentar. Imbas semula selepas 5 minit. Jika suhu badan telah turun atau dibawah 37.5'c murid boleh naik ke kelas.
  - Jika suhu badan masih melebihi 37.5'c dan menunjukkan gejala seperti selesema/batuk/sesak nafas hubungi ibu bapa/penjaga murid untuk mengambil anak.

# SOP – WAKTU TIBA

- Murid naik ke kelas mengikut laluan yang telah ditetapkan.
- Sanitasi / basuh tangan.
- Duduk di tempat yang telah ditetapkan oleh guru kelas.
- Bersihkan / lap meja dan kerusi dengan kain pengelap sendiri (dibawa dari rumah) atau tisu basah.
- Duduk diam di meja masing-masing.
- Guru kelas:
  - Catatkan suhu badan murid

# SOP – WAKTU REHAT

- 5 minit sebelum rehat, wakil kelas ke kantin untuk mengambil pesanan makanan dan bawa ke kelas.
- Guru beredar agihkan makanan kepada murid yang telah membuat pesanan.
- Murid-murid sangat digalakkan membawa bekalan makanan dan minuman sendiri dari rumah.
- Murid penerima RMT makanan disediakan seperti biasa.
- Bergerak secara bergilir untuk membasuh tangan.
- Baca doa makan bersama-sama. Makan ditempat sendiri. Elakkan berkongsi makanan dan minuman dengan rakan.
- Baca doa selepas makan bersama-sama.
- Bekas makanan, sudu dan garpu tidak perlu dibasuh. Lap bersih dan simpan.
- Sisa makanan biarkan di dalam bekas makanan dan simpan untuk dibawa pulang.
- Bergerak secara individu (bergilir-gilir) untuk membasuh tangan.

# TIPS KESELAMATAN MAKANAN UNTUK IBU BAPA SEDIAKAN BEKAL MAKANAN KE SEKOLAH



# SOP – WAKTU BALIK

- 5 minit sebelum balik
  - Murid bersihkan / lap meja dan kerusi masing-masing.
  - Ikat plastik sampah masing-masing
  - Bergerak mengikut laluan keluar secara bergilir-gilir.
  - Buang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan.
  - Guru beredar imbas suhu badan murid dan buat catatan.
  - Sanitasi / basuh tangan.
  - Murid bergerak turun mengikut laluan yang telah ditetapkan.
  - Murid yang menaiki bas sekolah / menunggu ibu bapa/penjaga:
    - Patuhi penjarakan sosial 1 meter semasa menunggu elakkan perkumpulan.
    - Pakai pelitup muka.

  Murid yang berjalan kaki atau menaiki basikal terus berjalan balik ke rumah masing-masing. Elakkan singgah atau bermain-main di mana-mana.

  Guru bertugas memastikan murid mematuhi penjarakan sosial (kawal murid).



# SOP – MENANGANI MURID BERGEJALA DAN BERGEJALA TERUK



Murid Bergejala:-

- Bawa murid ke Bilik Isolasi.
- Guru dan murid sanitasi / basuh tangan.
- Imbas suhu badan murid dan catat suhu, nama, masa dalam buku Rekod Penggunaan Bilik Isolasi.
- Murid baring / berehat di katil yang disediakan.
- Hubungi ibu bapa / penjaga murid untuk mengambil anak mereka segera.

# SOP – MENANGANI MURID BERGEJALA DAN BERGEJALA TERUK

Murid Bergejala Teruk:

- Bawa murid ke Bilik Isolasi.
- Guru memakai sut PPE yang disediakan.
- Guru dan murid sanitasi / basuh tangan.
- Imbas suhu badan murid dan catat suhu, nama, masa dalam buku Rekod Penggunaan Bilik Isolasi.
- Murid baring / berehat di katil yang disediakan.
- Laporkan kepada pihak pentadbir. Pihak pentadbir menghubungi PKD Kepong untuk nasihat dan tindakan.
- Hubungi ibu bapa / penjaga murid.
- Tunggu bersama murid sehingga ambulans tiba.
- Lupuskan PPE dengan betul.

# SOP – DI BILIK ISOLASI

- Sanitasi / basuh tangan dengan betul.
- Imbas suhu badan murid dan catat suhu, nama, masa dalam buku Rekod Penggunaan Bilik Isolasi.
- Murid baring / berehat di katil yang disediakan.
- Hubungi ibu bapa / penjaga murid segera.

# SOP – DI TANDAS

- Berjalan dilaluan yang telah disediakan
- 3 orang murid sahaja boleh berada di dalam tandas pada satu-satu masa.
- Beratur di luar tandas mengikut tanda penjarakan sosial semasa menunggu.
- Masuk ke kubikel tandas segera dan tarik pam selepas membuang air kecil atau besar.
- Basuh tangan dengan betul.
- Bergerak masuk ke kelas mengikut laluan yang telah ditetapkan.
- Setiap murid dibenarkan berada 5 minit sahaja di dalam tandas.

# SOP – DI KANTIN

- Beratur mengikut tanda penjarakan sosial yang disediakan.
- Makanan dan minuman dibungkus sahaja.
- Murid membawa makanan dan minuman ke dalam kelas dan makan di tempat masing-masing.
- Murid TIDAK DIBENARKAN MAKAN DAN MINUM DI KANTIN.

# Murid perlu bawa:



- Kain pengelap (dibawa ke sekolah dan dibawa balik ke rumah setiap hari) atau tisu basah. **(WAJIB)**
- Plastik sampah.
- Pensanitasi tangan. **(DIGALAKKAN)**
- Pelitup muka. **(DIGALAKKAN)**
- Digalakkan membawa sudu dan garpu sendiri.
- Alat tulis sendiri.
- Bekalan makanan dan minuman dari rumah.

# PELAN LALUAN PERGERAKAN




COVID - 19
#KitaTeguhKitaMenang
NORMA BAHARU DI SEKOLAH
SARANAN KEPADA IBU BAPA
Memastikan anak tidak ke sekolah jika bergejala
BATUK
DEMAM
SESAK NAFAS
Mengajar anak langkah mencuci tangan dengan betul
HAND SANITIZER
SABUN & AIR
Menasihati anak mengamalkan penjarakan sosial
KENDERAAN SEKOLAH
BILIK PDP
SEMASA MENUNGGU BAS
KANTIN
Mendidik anak amalan batuk dan bersin dengan betul
Kementerian Kesihatan Malaysia
MyHEALTH
myhealthkkm
SCAN ME


COVID-19
#KitaTeguhKitaMenang
NORMA BAHARU DI
S.E.K.O.L.A.H
Saringan kesihatan
Etika batuk dan bersin
Kerap cuci tangan
Orientasi norma baharu
Lakukan pembersihan pada permukaan yang kerap disentuh
Amalkan penjarakan sosial
Hand sanitizer digunakan jika perlu
1 meter
Kementerian Kesihatan Malaysia
MyHEALTH
MYHEALTHKKM
SCAN ME